

Tiada rancangan gantikan bas perantara MRT dengan Grabcar

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengangkutan tiada rancangan untuk menggantikan perkhidmatan bas perantara dengan perkhidmatan e-hailing, GrabCar di Stesen-stesen Transit Aliran Massa (MRT). Menterinya ,Anthony Loke menyifatkan pengumuman yang dibuat oleh Setiausaha Politik Menteri Kewangan ,Tony Pua mengenai perkara itu adalah sebagai pandangan peribadi beliau semata-mata.

“Bagi pihak Kementerian, kami tiada rancangan untuk menghentikan perkhidmatan bas perantara itu buat masa ini” katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen di sini semalam. Anthony berkata , Kementerian sedang mengkaji untuk mengintegrasikan operasi MRT dengan perkhidmatan bas yang lain dan berharap dapat mengeluarkan pas bulanan bagi perkhidmatan itu secepat mungkin.

SUMBER: KOSMO | M/S: 8 | 18 OKTOBER 2018